

**AKTA KERJA 1955
PERATURAN-PERATURAN KERJA (PEKERJA SEPARA MASA) 2010**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 2(4A) Akta Kerja 1955 [Akta 265], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) 2010**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2010.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, "masa kerja normal" ertinya masa kerja yang dipersetujui dalam kontrak perkhidmatan atau yang ditentukan di bawah peraturan 4, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Ketidakpakaian

3. Peraturan-Peraturan ini tidak terpakai bagi pekerja separa masa—

(a) yang diambil bekerja secara sekali sekala atau tidak tetap, hanya apabila diperlukan, dan yang masa kerjanya dalam seminggu tidak melebihi tiga puluh peratus daripada masa kerja yang normal seseorang pekerja sepenuh masa dalam seminggu (yang juga dikenali sebagai pekerja sambilan); dan

(b) yang menjalankan kerja untuk seseorang majikan dalam kediaman pekerja itu, tanpa mengira pekerjaan (yang juga dikenali sebagai pekerja bekerja di rumah).

Masa kerja normal pekerja separa masa sekiranya masa kerja pekerja sepenuh masa tidak dapat dipastikan

4. (1) Jika masa kerja normal seseorang pekerja sepenuh masa tidak dapat dipastikan atau tiada pekerja sepenuh masa yang bekerja dalam kapasiti dan perusahaan yang sama, masa kerja normal seorang pekerja sepenuh masa hendaklah disifatkan sebagai lapan jam dalam sehari atau empat puluh lapan jam dalam seminggu.

(2) Dalam hal keadaan yang disebut dalam subperaturan (1), masa kerja normal seorang pekerja separa masa adalah tujuh puluh peratus daripada masa kerja normal seseorang pekerja sepenuh masa itu.

Kadar bayaran ikut jam yang melebihi masa kerja normal

5. (1) Jika seseorang pekerja separa masa dikehendaki oleh majikannya untuk bekerja melebihi masa kerja normalnya, majikan hendaklah membayar pekerja separa masa untuk kerja tambahan itu pada kadar yang berikut:

(a) tidak kurang daripada kadar bayarannya ikut jam untuk setiap jam atau sebahagian daripadanya yang melebihi masa kerja normal pekerja separa masa tetapi tidak melebihi masa kerja normal seseorang pekerja sepenuh masa yang bekerja dalam kapasiti dan perusahaan yang sama; dan

(b) tidak kurang daripada satu setengah kali ganda kadar bayaran ikut jam pekerja separa masa untuk setiap jam atau sebahagian daripadanya yang melebihi masa kerja normal seseorang pekerja sepenuh masa yang bekerja dalam kapasiti dan perusahaan yang sama.

(2) Mana-mana majikan yang tidak membayar mana-mana pekerja separa masa untuk apa-apa kerja yang telah dilakukan melebihi masa kerjanya yang normal mengikut kadar yang ditentukan di bawah subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Hari kelepasan

6. (1) Tiap-tiap pekerja separa masa adalah berhak mendapat hari kelepasan berbayar pada kadar bayaran biasanya pada hari yang berikut dalam mana-mana satu tahun kalender:

(a) pada tidak kurang daripada tujuh hari kelepasan am yang diwartakan, empat daripadanya hendaklah—

(i) Hari Kebangsaan;

(ii) Hari Ulang Tahun Yang di-Pertuan Agong;

(iii) Hari Ulang Tahun Raja atau Yang di-Pertua Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, Negeri yang pekerja separa masa keseluruhannya atau sebahagian besarnya bekerja di bawah kontrak perkhidmatan, atau Hari Wilayah Persekutuan, jika pekerja separa masa keseluruhannya atau sebahagian besarnya bekerja di Wilayah Persekutuan; dan

(iv) Hari Pekerja; dan

(b) pada mana-mana hari yang diumumkan sebagai hari kelepasan am di bawah seksyen 8 Akta Hari Kelepasan Am 1951 [Akta 369].

(2) Jika mana-mana hari kelepasan am yang disebut dalam perenggan 1(a) dan (b) jatuh pada hari rehat, hari bekerja berikutnya sebaik selepas hari rehat itu hendaklah menjadi hari kelepasan berbayar bagi menggantikan hari kelepasan am itu.

(3) Majikan hendaklah mempamerkan dengan mudah dilihat di tempat penggajian sebelum permulaan setiap tahun kalender suatu notis yang menyatakan baki hari kelepasan am yang diwartakan yang diperuntukkan dalam perenggan (1)(a) berkenaan dengan pekerja separa masanya yang berhak mendapat hari kelepasan berbayar di bawah perenggan tersebut.

(4) Walau apa pun subperaturan (3), seseorang majikan dan pekerja separa masa boleh bersetuju:

(a) untuk mana-mana hari lain atau beberapa hari yang akan menjadi ganti untuk satu atau lebih baki hari kelepasan am yang diwartakan yang diperuntukkan dalam perenggan (1)(a); dan

(b) bahawa majikan memberikan pekerja separa masa mana-mana hari lain sebagai hari kelepasan am berbayar bagi menggantikan mana-mana hari kelepasan am yang dirujuk dalam perenggan (1)(b).

(5) Walau apa pun subperaturan (1), jika seorang pekerja separa masa dikehendaki oleh majikannya untuk bekerja pada masa kerja normalnya pada mana-mana hari kelepasan berbayar yang dia berhak di bawah subperaturan (1), dia hendaklah dibayar tidak kurang daripada dua hari gaji sebagai tambahan kepada bayaran hari kelepasan yang dia berhak untuk hari itu.

(6) Jika seorang pekerja separa masa dikehendaki untuk bekerja melebihi masa kerjanya yang normal pada hari kelepasan berbayar, dia hendaklah dibayar untuk kerja tambahan itu pada kadar yang berikut:

(a) tidak kurang daripada dua kali ganda kadar bayaran ikut jam untuk setiap jam atau sebahagian daripadanya yang melebihi masa kerja normal pekerja separa masa; dan

(b) tidak kurang daripada tiga kali ganda kadar bayaran ikut jam untuk setiap jam atau sebahagian daripadanya yang melebihi masa kerja normal seseorang pekerja sepenuh masa yang bekerja dalam kapasiti dan perusahaan yang sama.

(7) Mana-mana majikan yang tidak mematuhi peruntukan subperaturan (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(8) Mana-mana majikan yang tidak membayar mana-mana pekerja separa masa bagi apa-apa kerja yang telah dilakukan pada hari kelepasan am mengikut kadar yang dinyatakan di bawah subperaturan (5) dan (6) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Cuti tahunan

7. (1) Seseorang pekerja separa masa adalah berhak mendapat cuti tahunan berbayar—

(a) tidak kurang daripada enam hari bagi tiap-tiap dua belas bulan perkhidmatan berterusan dengan majikan yang sama jika dia telah digajikan oleh majikan itu untuk tempoh kurang daripada dua tahun;

(b) tidak kurang daripada lapan hari bagi tiap-tiap dua belas bulan perkhidmatan berterusan dengan majikan yang sama jika dia telah digajikan oleh majikan itu untuk tempoh dua tahun atau lebih tetapi kurang daripada lima tahun; dan

(c) tidak kurang daripada sebelas hari bagi tiap-tiap dua belas bulan perkhidmatan berterusan dengan majikan yang sama jika dia telah digajikan oleh majikan itu untuk tempoh lima tahun atau lebih.

(2) Jika seseorang pekerja separa masa tidak memenuhi dua belas bulan perkhidmatan berterusan dengan majikan yang sama semasa dalam tahun yang kontrak perkhidmatannya tamat, kelayakannya untuk cuti tahunan berbayar hendaklah mengikut perkadarannya terus dengan bilangan bulan dia telah berkhidmat.

(3) Majikan hendaklah membayar pekerja separa masa pada kadar bayaran biasanya untuk tiap-tiap hari cuti tahunan berbayar yang diambil oleh pekerja separa masa.

(4) Majikan hendaklah membayar pekerja separa masa yang kontrak perkhidmatannya telah ditamatkan kecuali bagi penamatannya atas sebab salah laku, bagi cuti tahunan berbayar yang belum digunakan.

(5) Mana-mana majikan yang tidak membayar mana-mana pekerja separa masa cuti tahunan berbayar sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subperaturan (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(6) Mana-mana majikan yang tidak membayar mana-mana pekerja separa masa untuk mana-mana cuti tahunan berbayar yang belum digunakan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subperaturan (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Cuti sakit

8. (1) Seseorang pekerja separa masa adalah berhak mendapat cuti sakit berbayar—

(a) tidak kurang daripada sepuluh hari bagi tiap-tiap dua belas bulan perkhidmatan berterusan dengan majikan yang sama jika dia telah digajikan oleh majikan itu untuk tempoh kurang daripada dua tahun;

(b) tidak kurang daripada tiga belas hari bagi tiap-tiap dua belas bulan perkhidmatan berterusan dengan majikan yang sama jika dia telah digajikan oleh majikan itu untuk tempoh dua tahun atau lebih tetapi kurang daripada lima tahun; dan

(c) tidak kurang daripada lima belas hari bagi tiap-tiap dua belas bulan perkhidmatan berterusan dengan majikan yang sama jika dia telah digajikan oleh majikan itu untuk tempoh lima tahun atau lebih.

(2) Seseorang pekerja separa masa adalah tidak berhak mendapat cuti sakit pada hari dia tidak bekerja.

(3) Seseorang pekerja separa masa adalah berhak mendapat cuti sakit berbayar pada kadar bayaran biasanya.

(4) Mana-mana majikan yang tidak membayar mana-mana pekerja separa masa cuti sakit berbayar sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subperaturan (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Hari rehat

9. (1) Seseorang pekerja separa masa adalah berhak mendapat satu hari rehat dalam setiap minggu jika dia bekerja lima hari atau lebih dengan jumlah masa bekerja tidak kurang daripada dua puluh jam seminggu.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), jika pekerja separa masa dikehendaki oleh majikannya untuk bekerja pada masa kerja normalnya pada hari rehat yang dia berhak di bawah kontrak perkhidmatannya, dia hendaklah dibayar tidak kurang daripada dua hari gaji pada kadar bayaran biasanya yang dia berhak pada hari itu.

(3) Jika seorang pekerja separa masa dikehendaki untuk bekerja lebih daripada masa kerja normalnya pada hari rehat, dia hendaklah dibayar bagi kerja tambahan itu pada kadar yang berikut:

(a) tidak kurang daripada satu setengah kali ganda kadar bayaran ikut jam untuk setiap jam atau sebahagian daripadanya yang tidak melebihi masa kerja normal seseorang pekerja sepenuh masa yang bekerja dalam kapasiti dan perusahaan yang sama; dan

(b) tidak kurang daripada dua kali ganda kadar bayaran ikut jam untuk setiap jam atau sebahagian daripadanya yang melebihi masa kerja normal seseorang pekerja sepenuh masa yang bekerja dalam kapasiti dan perusahaan yang sama.

(4) Mana-mana majikan yang tidak membayar mana-mana pekerja separa masa untuk apa-apa kerja yang dilakukan pada hari rehat mengikut kadar yang dinyatakan di bawah subperaturan (2) atau (3), mengikut mana-mana yang berkenaan, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Peruntukan dan kesahan apa-apa terma atau syarat perkhidmatan yang lebih baik

10. Tiada apa jua pun di bawah Peraturan-Peraturan ini ditafsirkan sebagai menghalang seseorang majikan dan pekerja separa masa daripada bersetuju kepada apa-apa terma atau syarat perkhidmatan di bawah penggajian seseorang pekerja separa masa, atau menyebabkan tidak sah mana-mana terma atau syarat perkhidmatan yang telah dinyatakan dalam mana-mana kontrak perkhidmatan, yang lebih baik kepada pekerja separa masa daripada peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini.

Peruntukan kecualian dan peralihan

11. Mana-mana orang yang sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini adalah seorang pekerja separa masa hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, disifatkan sebagai seorang pekerja separa masa di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Dibuat 13 Ogos 2010
[KSM/PUU/01/05/01/02 Jld. 2; PN(PU2)192/X]

DATUK DR. SUBRAMANIAM A/L K.V. SATHASIVAM
Menteri Sumber Manusia

**EMPLOYMENT ACT 1955
EMPLOYMENT (PART-TIME EMPLOYEES) REGULATIONS 2010**

IN exercise of the powers conferred by subsection 2(4A) of the Employment Act 1955 [Act 265], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Employment (Part-Time Employees) Regulations 2010**.

(2) These Regulations come into operation on 1 October 2010.

Interpretation

2. In these Regulations, “normal hours of work” means the hours of work as agreed in the contract of service or as determined under regulation 4, as the case may be.

Non-application

3. These Regulations shall not apply to a part-time employee—

(a) who is engaged occasionally or on an irregular basis, as and when needed, and whose working hours in one week does not exceed thirty per centum of the normal hours of work of a full time employee in one week (who is also known as a casual employee); and

(b) who performs work for an employer within the employee’s residence, irrespective of occupation (who is also known as a home working employee).

Normal hours of work of part-time employee where normal hours of work of full time employee cannot be ascertained

4. (1) Where the normal hours of work of a full time employee cannot be ascertained or there is no full time employee employed in a similar capacity in the same enterprise, the normal hours of work of a full time employee shall be deemed to be eight hours in one day or forty eight hours in one week.

(2) In the circumstances mentioned in subregulation (1), the normal hours of work of a part-time employee shall be seventy per centum of the normal hours of work of such full time employee.

Payment of hourly rate beyond normal hours of work

5. (1) If a part-time employee is required by his employer to work beyond his normal hours of work, the employer shall pay the part-time employee for such extra work at the following rates:

(a) not less than his hourly rate of pay for each hour or part thereof which exceeds the normal hours of work of the part-time employee but does not exceed the normal hours of work of a full time employee employed in a similar capacity in the same enterprise; and

(b) not less than one and a half times the hourly rate of pay of the parttime employee for each hour or part thereof which exceeds the normal hours of work of a full time employee employed in a similar capacity in the same enterprise.

(2) Any employer who fails to pay any part-time employee for any work done beyond his normal hours of work in accordance with the rates as specified under subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit.

Holidays

6. (1) Every part-time employee shall be entitled to a paid holiday at his ordinary rate of pay on the following days in any one calendar year:

(a) on not less than seven of the gazetted public holidays, four of which shall be—

(i) the National Day;

(ii) the Birthday of the Yang di-Pertuan Agong;

(iii) the Birthday of the Ruler or the Yang di-Pertua Negeri, as the case may be, of the State in which the part-time employee wholly or mainly works under his contract of service, or the Federal Territory Day, if the part-time employee wholly or mainly works in the Federal Territory; and

(iv) the Worker's Day; and

(b) on any day declared as a public holiday under section 8 of the Holidays Act 1951 [Act 369].

(2) If any of the public holidays referred to in paragraphs 1(a) and (b) falls on a rest day, the working day following immediately the rest day shall be a paid holiday in substitution of that public holiday.

(3) The employer shall exhibit conspicuously at the place of employment before the commencement of each calendar year a notice specifying the remaining gazetted public holidays provided for in paragraph (1)(a) in respect of which his part-time employee shall be entitled to paid holidays under the said paragraph.

(4) Notwithstanding subregulation (3), an employer and a part-time employee may agree—

(a) for any other day or several days to be substituted for one or more of the remaining three of the gazetted public holidays provided for in paragraph (1)(a); and

(b) that the employer grants the part-time employee any other day as a paid public holiday in substitution of any of the public holidays referred to in paragraph (1)(b).

(5) Notwithstanding subregulation (1), if a part-time employee is required by his employer to work at his normal hours of work on any paid holiday to which he is entitled under subregulation (1), he shall be paid not less than two days' wages in addition to the holiday pay he is entitled to for that day.

(6) If a part-time employee is required to work beyond his normal hours of work on paid holiday, he shall be paid for such extra work at the following rates:

(a) not less than twice the hourly rate of pay for each hour or part thereof which exceeds the normal hours of work of the part-time employee; and

(b) not less than three times the hourly rate of pay for each hour or part thereof which exceeds the normal hours of work of a full time employee employed in a similar capacity in the same enterprise.

(7) Any employer who fails to comply with the provisions of subregulation (3) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit.

(8) Any employer who fails to pay any part-time employee for any work done on a public holiday in accordance with the rates as specified under subregulations (5) and (6) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit.

Annual leave

7. (1) A part-time employee shall be entitled to paid annual leave of—

(a) not less than six days for every twelve months of continuous service with the same employer if he has been employed by that employer for a period of less than two years;

(b) not less than eight days for every twelve months of continuous service with the same employer if he has been employed by that employer for a period of two years or more but less than five years; and

(c) not less than eleven days for every twelve months of continuous service with the same employer if he has been employed by that employer for a period of five years or more.

(2) Where a part-time employee has not completed twelve months of continuous service with the same employer during the year in which his contract of service terminates, his entitlement to paid annual leave shall be in direct proportion to the number of completed months of service.

(3) The employer shall pay the part-time employee his ordinary rate of pay for every day of paid annual leave taken by the part-time employee.

(4) The employer shall pay the part-time employee whose contract of service has been terminated except for termination on the grounds of misconduct, for the unutilized paid annual leave.

(5) Any employer who fails to pay any part-time employee annual leave pay as provided under subregulation (3) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit.

(6) Any employer who fails to pay any part-time employee for any unutilized paid annual leave as provided under subregulation (4) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit.

Sick leave

8. (1) A part-time employee shall be entitled to paid sick leave of—

(a) not less than ten days for every twelve months of continuous service with the same employer if he has been employed by that employer for a period of less than two years;

(b) not less than thirteen days for every twelve months of continuous service with the same employer if he has been employed by that employer for a period of two years or more but less than five years; and

(c) not less than fifteen days for every twelve months of continuous service with the same employer if he has been employed by that employer for a period of five years or more.

(2) A part-time employee shall not be entitled to paid sick leave on his non-working day.

(3) A part-time employee shall be entitled to paid sick leave at his ordinary rate of pay.

(4) Any employer who fails to pay any part-time employee sick leave pay as provided under subregulation (3) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit.

Rest day

9. (1) A part-time employee shall be entitled to a rest day in each week if he works five days or more with a total working hours of not less than twenty hours a week.

(2) Notwithstanding subregulation (1), if a part-time employee is required by his employer to work at his normal hours of work on a rest day to which he is entitled under his contract of service, he shall be paid not less than two day's wages at the ordinary rate of pay he is entitled to for that day.

(3) If a part-time employee is required to work beyond his normal hours of work on rest day, he shall be paid for such extra work at the following rates:

(a) not less than one and a half times his hourly rate of pay for each hour or part thereof which does not exceed the normal hours of work of a full time employee employed in a similar capacity in the same enterprise; and

(b) not less than twice his hourly rate of pay for each hour or part thereof which exceeds the normal hours of work of a full time employee employed in a similar capacity in the same enterprise.

(4) Any employer who fails to pay any part-time employee for any work done on a rest day in accordance with the rates as specified under subregulation (2) or (3), as the case may be, commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit.

Provision and validity of any term or condition of service which is more favourable

10. Nothing in these Regulations shall be construed as preventing an employer and a part-time employee from agreeing to any term or condition of service under which a part-time employee is employed, or shall render invalid any term or condition of service stipulated in any contract of service, which is more favourable to the part-time employee than the provisions of these Regulations.

Savings and transitional provisions

11. Any person who immediately before the coming into operation of these Regulations is a part-time employee shall, on the coming into operation of these Regulations, be deemed to be a part-time employee under these Regulations.

Made 13 August 2010
[KSM/PUU/01/05/01/02 Jld. 2; PN(PU2)192/X]

DATUK DR. SUBRAMANIAM S/O K.V. SATHASIVAM
Minister of Human Resources